

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 26 JULAI 2004, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 9-100310
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan taraf ekonomi para petani yang masih tidak berubah.
2. 38-100269
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan kesan terhadap kehadiran pelancong ke negara ini berikutan laporan-laporan mengenai kejadian jenayah ragut serta faktor pergolakan di negara-negara jiran.
3. 6-100282
Datin Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-
 - (a) bilangan Pegawai Hal Ehwal Agama di setiap Jabatan Belia dan Sukan mengikut negeri; dan
 - (b) tahap pendidikan pegawai-pegawai berkenaan mengikut negeri tersebut.
4. 4-100205
Puan Jaya Partiban minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah jangka panjang yang diambil oleh Kerajaannya untuk menentukan integrasi kaum di semua peringkat termasuk Perkhidmatan Awam, Pendidikan, Ekonomi dan Perumahan serta usaha Kerajaan menjamin agar tiada diskriminasi kaum oleh mana-mana pihak.

5. 45-100130
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah aduan yang diterima oleh Kerajaan tentang penderaan kanak-kanak antara 2000 hingga 2003 dan jumlah kes yang berjaya diselesaikan sehingga 2003.
6. 50-100404
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
 - (a) adakah Kementerian mempunyai satu dasar mengenai penyediaan kuarters guru dan adakah Kementerian memberi keutamaan membina kuarters di bandar-bandar besar; dan
 - (b) bagaimanakah pemilihan untuk menduduki kuarters tersebut dibuat dan adakah keutamaan diberi kepada guru atau kepada pihak pentadbiran di Jabatan.
7. 5-100366
Puan Nosimah binti Hashim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah keruntuhan moral dan gangsterism pelajar-pelajar yang semakin serius di kalangan remaja dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengkaji semula penambahan guru-guru disiplin bagi tiap-tiap sekolah di Malaysia.
8. 14-100303
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah masalah jalan dari Klang ke Kuala Selangor yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual dan ini menimbulkan masalah terutamanya di masa musim perayaan di mana berlaku banyak kemalangan yang meragut banyak nyawa.
9. 26-100189
Tuan Zainal bin Rampak minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula sistem Mahkamah Perusahaan menurunkan "award"nya memandangkan "award" tersebut tidak lagi mencerminkan Mahkamah Perusahaan sebagai "Court of Equity" bersandarkan "good conscience" tetapi lebih bersifat "Court of Law" yang mana menghakis hak pekerja terhadap keadilan asasi mereka.
10. 52-100400
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha-usaha mahupun langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian di dalam menggalakkan pembabitan golongan pengusaha bumiputera untuk membuka toko-toko di gedung-gedung besar seperti One Utama, KLCC dan Mid Valley.

11. 21-100157
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sudah terlalu sesak dan bilakah rancangan untuk pembesaran terminal lapangan terbang dan juga landasan kapal terbang akan dilaksanakan.
12. 39-100323
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengenai pencapaian Projek Koridor Raya Multimedia dan sejauh manakah projek ini telah berjaya membantu syarikat-syarikat tempatan di dalam pelaksanaannya.
13. 51-100088
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada kajian dibuat untuk mencari jenis-jenis pertanian 'biotek' yang relevan untuk pertanian negara dan jika ada, apakah hasil kajian tersebut.
14. 46-100131
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah mengambil tindakan bagi memastikan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara mengikut apa-apa bidang pengajian yang mana universiti tersebut diiktiraf oleh mana-mana pihak dalam negara.
15. 53-100217
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
 - (a) apakah status dan kedudukan sekolah wawasan yang kini telah beroperasi dan apakah pencapaian yang telah dicapai setakat ini; dan
 - (b) adakah sekolah ini menepati perkembangan selaras dengan matlamat Kerajaan dan tujuan Kerajaan mewujudkannya.
16. 48-100004
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan Malaysia yang mengamalkan suatu dasar langit terbuka bagi membantu syarikat-syarikat penerbangan luar negara terbang terus ke lapangan antarabangsa di beberapa negeri yang kerap dikunjungi oleh para pelancong.

17. 22-100201
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengapakah suatu dasar monopoli wujud di mana hanya satu syarikat sahaja dibenarkan menguruskan perkhidmatan teksi dari Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA).
18. 43-100078
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) berapakah nisbah penduduk yang memerlukan perkhidmatan seorang anggota polis dalam suasana hari ini; dan
 - (b) adakah nisbah ini berubah-ubah mengikut tempat dan musim.
19. 30-100224
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah masih terdapat sesetengah sekolah yang tidak mempunyai pengetua atau guru besar bagi tempoh yang lama apabila pengetua atau guru besar dahulu bersara atau bertukar mahupun meninggal dunia.
20. 20-100353
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
- (a) caj-caj yang dikenakan mengikut kelasnya bagi kenderaan Malaysia yang masuk ke Singapura dan sebaliknya caj-caj yang dikenakan bagi kenderaan Singapura yang memasuki Malaysia; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang mengkaji semula caj-caj yang dikenakan mengikut kelasnya bagi kenderaan Singapura yang memasuki Malaysia.
21. 17-100046
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan kebolehan inovasi dan kreativiti rakyat supaya praktis "bertambah baik" boleh diperluas dan diperhebatkan di kalangan rakyat.

22. 13-100196
Tuan Udam @ George Adam bin Talek minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan pembangunan jangka panjang yang telah dan akan disediakan kepada penduduk di semua kawasan penempatan semula Bakun selepas mereka dipindahkan di kawasan baru pada tahun 1999, untuk memberi laluan pada pelaksanaan projek hidro Bakun kerana seolah-olah mereka dibiarkan begitu sahaja tanpa ada program yang bersepadu dan menyeluruh untuk menjaga kebajikan mereka.
23. 7-100239
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada dengan peningkatan harga timah hampir RM35,000 satu tan di pasaran timah Kuala Lumpur, adakah Kerajaan bercadang menyambung semula perlombongan bijih timah, ataupun mengeluarkan lesen baru kepada pengusaha yang berminat kerana ini akan memberi kesan positif terhadap pembangunan ekonomi.
24. 31-100147
Datuk Benedict Bujang Tembak minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah sekolah-sekolah di luar bandar di Sarawak dan Sabah yang masih lagi tidak dilengkapi dengan kemudahan seperti tenaga elektrik dan "proper water supply". Jika keadaan di sekolah-sekolah tersebut belum memuaskan, apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan beban ini.
25. 45-100140
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan jumlah rakyat yang menjadi ahli di semua perpustakaan awam di seluruh negara sehingga April 2004, dan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi minat membaca di kalangan rakyat.
26. 27-100340
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan:-
- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan rancangan bercorak hiburan (tempatan dan luar negeri) yang terlalu melalaikan remaja seperti konsert dan sebagainya yang banyak disiarkan oleh saluran televisyen di negara ini; dan
 - (b) apakah dasar Kerajaan bagi mengatasi iklan-iklan menjolok mata yang berlawanan dengan budaya tempatan yang disiarkan oleh media elektronik di negara ini.

27. 38-100266
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana sambutan orang ramai bagi melaporkan kes-kes penderaan kanak-kanak setelah Kerajaan memberi jaminan bahawa tindakan akan dilakukan dalam tempoh 48 jam selepas menerima aduan.
28. 21-100174
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menambah Pusat Pendaftaran untuk membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menukar kad pengenalan mereka kepada My Kad sebelum tarikh akhir 2005.
29. 35-100052
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Parti Pembangkang masih mempersoalkan tentang pengiktirafan Malaysia sebagai negara Islam sedangkan orang bukan Islam di Malaysia menerima Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan rakyat hidup aman damai dan selesa. Apakah bentuk tindakan yang sesuai sekiranya ada rakyat Malaysia yang mempunyai niat untuk memecahbelahkan perpaduan di Malaysia.
30. 7-100237
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada penyelia sekolah Tamil akan dikritik di Pejabat Pendidikan Daerah yang mempunyai banyak sekolah Tamil.
31. 38-100257
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesan kesihatan akibat ketagihan meminum air daun ketum atau lebih dikenali sebagai daun biak oleh para penduduk terutama di Utara Semenanjung Malaysia dan langkah Kerajaan menangani gejala itu.
32. 41-100066
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
(a) berapa peratus pelajar bukan bumiputera belajar di Maktab Rendah Sains Mara dan jumlah bilangan; dan
(b) adakah Kementerian sedia menerima 10% pelajar bukan bumiputera belajar di maktab ini dan cara untuk meningkatkan bilangan pelajar bukan bumiputera.
33. 45-100126
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **PERDANA MENTERI**

- menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan integriti moral negara setelah Malaysia disenaraikan di tangga ke 37 di Indeks Persepsi Rasuah oleh Transparency International pada tahun lalu, berbanding di tangga ke 26 pada tahun 1998.
34. 14-100283
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan jumlah murid mengikut pecahan negeri. Apakah langkah Kerajaan untuk menukar status dari sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh Kerajaan.
35. 37-100114
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengarahkan penghapusan caj RM8 yang dikenakan ke atas pemegang "Bank Card" memandangkan caj tersebut tidak sepatutnya dikenakan kerana ia boleh dianggap sebagai perkhidmatan yang wajib disediakan oleh pihak Bank kepada pelanggan.
36. 29-100389
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-
(a) adakah Kementerian memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor pembersihan kawasan seperti "Southern Waste Management" (SWM) ; dan
(b) adakah pihak Kementerian berpuas hati terhadap kerja-kerja yang dijalankan.
37. 34-100376
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sehingga Disember, 2003 berapakah anggaran kerugian mengikut negeri yang terpaksa ditanggung oleh pihak yang bertanggungjawab akibat daripada berlakunya kes kecurian atau penyelewengan bekalan air dan bekalan tenaga letrik di seluruh negara dan sejauh mana berkesannya pihak penguatkuasa berjaya mengesan atau mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.
38. 9-100300
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian terhadap jenayah yang berlaku di Malaysia membabitkan pendatang tanpa izin yang boleh menjejaskan persepsi pelabur asing untuk terus melabur di negara ini.
39. 23-100100
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) bagaimanakah pihak Kementerian dapat mengesan warga asing yang tidak balik semula ke negara mereka setelah tamatnya tempoh; dan
- (b) berapakah bilangan kes pemalsuan kad pengenalan Mykad yang melibatkan pendatang asing setakat Jun 2004.
40. 35-100021
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah pengawalan pengeluaran plat nombor pendaftaran kenderaan:-
- (a) berapa banyakkah syarikat yang telah diberi kuasa untuk membuat plat nombor kenderaan; dan
- (b) apakah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam menangani masalah penggunaan plat nombor kenderaan yang tidak mengikut spesifikasi dan ciri-ciri keselamatan.
41. 18-100022
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang perlu diperincikan oleh Kerajaan dalam menangani masalah lambakan buah pada setiap musim buah-buahan yang telah mengakibatkan kerugian kepada para petani.
42. 25-100249
Puan Ooi Siew Kim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat beberapa kes di mana seorang suami bukan Islam telah memeluk Islam apabila kahwin isteri kedua dengan seorang Islam dan memaksa isteri pertama dan anak-anak mereka memeluk agama Islam. Apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.
43. 27-100351
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menangani masalah 'offline' yang sentiasa berlaku kepada sistem pengkomputeran di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
44. 25-100252
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan sedar bahawa ada beberapa pertubuhan Agama Buddha palsu (komersial) dari negara luar telah dibenarkan mendaftar untuk beroperasi di negara ini dan ia telah menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat Cina Malaysia. Jika ya, apakah tindakan diambil untuk membendungnya.
45. 19-100182
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI**

- PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang mengambil jurusan perubatan di universiti di dalam dan luar negara pada tahun 2002, 2003 dan 2004 mengikut pecahan kaum.
46. 39-100330
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) apakah tindakan yang wajar diambil terhadap pengusaha-pengusaha kafe siber dan pusat permainan video yang telah melanggar undang-undang kerana membenarkan pelajar-pelajar beruniform memasuki pusat tersebut; dan
 - (b) bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah pelajar-pelajar yang ponteng sekolah.
47. 17-100044
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tangkapan penjenayah ragut selepas kempen besar-besaran pada Jun 2004 dan adakah bilangan kes ragut itu berkurangan berbanding dengan beberapa bulan sebelum kempen-kempen itu. Dalam siasatan polis apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka meragut.
48. 9-100304
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kajian dan statistik dibuat mengenai jumlah kekosongan penempatan di tanah-tanah rancangan sehingga sekarang di seluruh negara dan adakah Kerajaan merancang untuk mengisi kekosongan tersebut dengan bekas-bekas tentera yang berminat menyertai skim tersebut.
49. 8-100388
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah atau tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan Ekuiti Kaum Keturunan India dari 1.5% ke 3%, sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Rancangan Jangka Panjang Yang Ke-3 (2001-2010).
50. 18-100019
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan yang telah dan sedang diambil dalam mengawal kemasukan sisa toksid dari Taiwan.
51. 40-100185
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) adakah Kementerian bercadang mewujudkan Jawatankuasa Pemantau bagi memastikan kelengkapan pembelajaran di

makmal komputer di sekolah-sekolah luar bandar mencukupi; dan

- (b) berapa banyakkah keperluan kelengkapan pembelajaran yang perlu dibekalkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar.
52. 52-100399
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peratus kejayaan yang telah dicapai melalui Skim "PROSPER" semenjak ianya dilancarkan bagi melahirkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera terutama sekali di dalam sektor peruncitan.
53. 39-100319
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pelaksanaan projek-projek baru yang di umumkan oleh YAB. Perdana Menteri baru-baru ini bagi menjana ekonomi negara dan apakah rancangan dan langkah-langkah yang akan di ambil untuk membantu negeri-negeri yang kecil seperti Perlis dalam pelaksanaan projek-projek tersebut.
54. 5-100368
Puan Nosimah binti Hashim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu dan menjamin kebajikan majikan-majikan yang mengambil pembantu rumah daripada agensi-agensi yang berdaftar.
55. 10-100313
Datuk William Lau Kung Hui minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang yang sewajarnya bagi email-email yang dihantar menerusi komputer dan adakah pengusaha-pengusaha perkhidmatan seperti itu akan diminta untuk menyediakan kemudahan satu akuan penerimaan bahawa penghantaran email telah dibuat.
56. 20-100067
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian telah atau bercadang membekalkan elektrik Sistem Solar Berpusat ke perkampungan orang asli di kawasan pedalaman. Sekiranya ada, berapakah kampung yang telah dikenal pasti bagi pelaksanaan projek ini termasuk kos mengikut kapasiti pengguna yang terlibat.
57. 42-100244
Tuan Tan Cheng Tee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan bukan bumiputera yang berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam di negara ini. Adakah Kerajaan berhasrat menambah bilangan tersebut.

58. 44-100095
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyemak semula Kod Peraturan Pakaian Polis DiRaja Malaysia (PDRM), 1954 (Police Dress Regulation Code) agar ia bersesuaian dengan kehendak Islam khususnya membenarkan pakaian menutup aurat kepada anggota polis wanita Islam.
59. 46-100123
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat pelarian dari kalangan orang awam di Selatan Thailand yang memohon sebarang perlindungan daripada Kerajaan Malaysia.
60. 49-100359
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah justifikasinya Kementerian meminta supaya pemaju perumahan membayar kos strata bagi projek-projek perumahan rumah pangsa sebelum Sijil Layak Menduduki (CF) penghuninya dikeluarkan.
61. 15-100419
Che Puan Kelana D'Raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah Binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh BIO 2004 dalam memperkenalkan potensi bioteknologi Negara. Apakah pendekatan yang telah diambil oleh Kementerian bagi menarik lebih banyak firma besar dunia untuk membangunkan industri bioteknologi di Negara ini.
62. 52-100403
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha Kementerian di dalam memperluaskan kemudahan serta penggunaan "broadband" di seluruh Malaysia khususnya di negeri-negeri perindustrian maju sebagai contoh negeri Selangor Darul Ehsan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.8/2004) Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [22 Julai 2004]**
2. (D.R.11/2004) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004 Bacaan Kali Yang Kedua
3. (D.R.1/2004) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 “

4. 45-100144

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengarahkan Kerajaan, khususnya Perbadanan Putrajaya supaya memastikan penggunaan bahasa kebangsaan didaulatkan sepenuhnya di Putrajaya selaras dengan peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Dewan ini melahirkan rasa kesal dengan penggunaan istilah-istilah asing seperti perkataan "presint" di Putrajaya sehingga menjejaskan kedudukan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berjiwa kebangsaan yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan sepatutnya memastikan bahasa kebangsaan didahulukan dalam semua penggunaan, kecuali jika tidak terdapat perkataan bahasa Melayu atau bahasa serumpun, barulah wajar bahasa asing digunakan. Dewan ini juga sangat kesal dengan kecuaiannya Kerajaan dalam mendaulatkan bahasa Kebangsaan di pusat pentadbiran itu sehingga menjadi galakan yang boleh merosakkan bahasa Kebangsaan".

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

TAHUN
2004

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

- | | | |
|--------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| ST.129 | Akta Jalan Persekutuan 1959
Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh raya
Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang) 2004. | 26 Julai 2004 |
| ST.130 | Akta Jalan Persekutuan 1959
Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat)
(Pindaan) (No.11) 2004.
-Negeri Sembilan (Jalan Masuk ke Bandar
Springhill). | 26 Julai 2004 |